



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 22 Mei 2021

Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti **KECUALI** perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 225/202
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Aktiviti Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan dan Perladangan Komoditi

- Sektor Pertanian, Penternakan, dan Perladangan Komoditi **DIBENARKAN** beroperasi.
- Sektor perikanan **DIBENARKAN** beroperasi namun tertakluk kepada arahan Kawalan Pergerakan di Laut dan mana-mana arahan lain yang sedang berkuatkuasa.

Aktiviti Keagamaan

- Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.
- Aktiviti di Rumah Ibadat Bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had kehadiran tertakluk kepada 1/3 kapasiti ruang rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal.
- Upacara pernikahan (akad nikah) Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran **50%** berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di pejabat Agama **ATAU TERTAKLUK** kepada jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.
- Upacara perkahwinan bukan Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran **50%** berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal **ATAU TERTAKLUK** kepada jumlah yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara / Rumah Ibadat / Persatuan Agama Bukan Islam.
- SOP perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi seluruh negeri Sabah adalah merujuk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Pihak Berkuasa Agama Negeri serta arahan dari Pihak Kerajaan dari masa ke semasa.**